

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMUNGUT SERANGGA (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMUNGUT SERANGGA  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding

**ATAU**

- b) *BDTVEC / National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris dan bahasa tempatan lain seperti Dusun, Iban dan lain-lain adalah kelebihan.

3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan pemantauan dan pengawalan vektor terhadap tempat-tempat pembiakan vektor yang penting kepada kesihatan awam seperti jentik-jentik dan nyamuk, seterusnya mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan dengan membubuh racun *abate* bagi jentik-jentik;
2. Mengumpul dan memungut contoh-contoh serangga (Vektor) seperti nyamuk dewasa, jentik-jentik untuk dibuat kajian analisa makmal;
3. Bersedia bertugas di kawasan luar bandar termasuklah berkhemah dan bermalam di kampung-kampung pedalaman apabila terlibat dalam program pemantauan dan pengawalan vektor yang penting kepada kesihatan awam; dan
4. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.